

**1.0 UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN**

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-undang Olahraga Dunia (WA), Undang-undang Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM), Peraturan – Peraturan Am Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Peraturan-peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dan Peraturan-peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Kedah (MSSK)

**2.0 ACARA – ACARA DAN UKURAN SERTA TIMBANGAN ALAT – ALAT PERTANDINGAN**

| KOD ACARA | ACARA                    | LELAKI                 |              |              |              |              | PEREMPUAN              |              |              |              |              |
|-----------|--------------------------|------------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|------------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
|           |                          | 18 TKB                 | 15 TKB       | 13 TKB       | 12 TKB       | 10 TKB       | 18 TKB                 | 15 TKB       | 13 TKB       | 12 TKB       | 10 TKB       |
| 1         | 100 meter                | X                      | X            |              | X            | X            | X                      | X            |              | X            | X            |
| 2         | 200 meter                | X                      | X            |              | X            |              | X                      | X            |              | X            |              |
| 3         | 400 meter                | X                      | X            | X            |              |              | X                      | X            | X            |              |              |
| 4         | 800 meter                | X                      | X            |              |              |              | X                      | X            |              |              |              |
| 5         | 1000 meter               |                        |              |              | X            |              |                        |              |              | X            |              |
| 6         | 1500 meter               | X                      | X            | X            |              |              | X                      | X            | X            |              |              |
| 7         | 3000 meter (T)           | X                      |              |              |              |              | X                      |              |              |              |              |
| 8         | 80 meter L.Berpagar      |                        |              |              | X<br>0.762m  |              | -                      | -            |              | X<br>0.762m  |              |
| 9         | 100 meter L.Berpagar     |                        |              |              |              |              | X<br>0.762m            | X<br>0.762m  |              |              |              |
| 10        | 110 meter L.Berpagar     | X<br>0.914 m           | X<br>0.838 m |              |              |              | -                      | -            |              |              |              |
| 11        | 200 meter L.Berpagar     |                        | X<br>0.838 m |              |              |              | -                      | X<br>0.762 m |              |              |              |
| 12        | 400 meter L.Berpagar     | X<br>0.838 m           |              |              |              |              | X<br>0.762 m           | -            |              |              |              |
| 13        | 2000 meter L.Berhalangan | X<br>0.838 m           | X<br>0.762 m |              |              |              | X<br>Terbuka 0.762 m   |              |              |              |              |
| 14        | 3000 meter J.Kaki        |                        |              |              |              |              | X                      | X            |              |              |              |
| 15        | 5000 meter J.Kaki        | X                      | X            |              |              |              |                        |              |              |              |              |
| 17        | Lompat Tinggi            | X                      | X            |              | X            | X            | X                      | X            |              | X            | X            |
| 18        | Lompat Jauh              | X                      | X            | X            | X            | X            | X                      | X            | X            | X            | X            |
| 19        | Lompat Kijang            | X                      | X            |              |              |              | X                      | X            |              |              |              |
| 20        | Melontar Peluru          | X<br>5.00 kg           | X<br>4.00 kg |              | X<br>2.72 kg | X<br>2.00 kg | X<br>3.00 kg           | X<br>3.00 kg |              | X<br>2.72 kg | X<br>2.00 kg |
| 21        | Melempar Cakera          | X<br>1.50 kg           | X<br>1.00 kg | X<br>1.00 kg |              |              | X<br>1.00 kg           | X<br>1.00 kg | X<br>1.00 kg |              |              |
| 22        | Merejam Lembing          | X<br>700 g             | X<br>600 g   |              |              |              | X<br>500 g             | X<br>500 g   |              |              |              |
| 23        | Baling Tukul Besi        | X<br>Terbuka (5.00 kg) |              |              |              |              | X<br>Terbuka (3.00 kg) |              |              |              |              |
| 24        | 4 X 100 m                | X                      | X            |              | X            | X            | X                      | X            |              | X            | X            |
| 25        | 4 X 200 m                |                        |              |              | X            |              |                        |              |              | X            |              |
| 26        | 4 X 400 m                | X                      | X            |              |              |              | X                      | X            |              |              |              |
|           | <b>JUMLAH</b>            | <b>19</b>              | <b>17</b>    | <b>4</b>     | <b>10</b>    | <b>5</b>     | <b>19</b>              | <b>16</b>    | <b>4</b>     | <b>10</b>    | <b>5</b>     |

**2.1 Kod 08 : Acara 80 meter Lari Berpagar**

| BIL PAGAR | TINGGI PAGAR | PAGAR 1 DARI GARISAN PERMULAAN | PAGAR KE PAGAR | PAGAR 8 KE GARISAN PENAMAT |
|-----------|--------------|--------------------------------|----------------|----------------------------|
| 8         | 0.762 m      | 12 meter                       | 8 meter        | 12 meter                   |

**2.2 Kod 11 : Acara 200 meter Lari Berpagar**

| KATEGORI         | BIL PAGAR | TINGGI PAGAR | PAGAR 1 DARI GARISAN PERMULAAN | PAGAR KE PAGAR | PAGAR 5 KE GARISAN PENAMAT |
|------------------|-----------|--------------|--------------------------------|----------------|----------------------------|
| LELAKI 15 TKB    | 5         | 0.838 m      | 20 meter                       | 35 meter       | 40 meter                   |
| PEREMPUAN 15 TKB | 5         | 0.762 m      | 20 meter                       | 35 meter       | 40 meter                   |

**2.3 Kod 13 : Acara 2000 meter Lari Berhalangan**

2.3.1 Ketinggian pagar halangan : **0.838 m** ( 18 Lelaki )  
**0.762 m** ( 15 Lelaki dan Perempuan Terbuka )

2.3.2 Lompat Pagar : 18 kali

2.3.3 Lompat Air : 5 kali

2.3.4 Lompatan air ialah lompatan kedua pada pusingan pertama dan kemudiannya lompatan yang keempat dalam pusingan yang berikutan.

**2.4 Kod 25 : Acara 4 X 200 meter**

2.4.1 **Pelari Pertama** akan gunakan lorong sendiri dan akan bermula di garisan 1 ½ stagger – seperti pelari pertama dalam acara 4 X 400 meter.

2.4.2 **Pelari Kedua** akan bersedia di garisan satu stagger yang akan disediakan.

2.4.3 **Pelari Ketiga** akan bersedia di garisan ½ stagger ( seperti pelari kedua dalam acara 4 X 400 meter ). Selepas menerima baton daripada pelari kedua, pelari ketiga mestilah berlari di lorong masing – masing sehingga ke selekoh pertama dan kemudiannya, beliau boleh memotong masuk ke lorong pertama.

2.4.4 **Pelari Akhir** akan bersedia di tempat penerimaan baton mengikut " start list ", dan menerima baton dengan syarat dia tidak menghalang atau menolak peserta lain.

**3.0 HADIAH – HADIAH**

3.1 Acara individu sehingga 1500 m – Pertama, Kedua dan Ketiga.

3.2 Acara individu 2000 m dan jarak lebih daripadanya - Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima.

3.3 Acara Pasukan – Lima pingat akan diberikan kepada setiap pasukan yang berjaya menduduki tempat Pertama, Kedua dan Ketiga.

#### 4.0 KELAYAKAN

- 4.1 Pelajar-pelajar yang bersekolah sepenuh masa di sekolah rendah dan menengah yang berdaftar dan bergabung dengan MSSK adalah layak untuk menyertai pertandingan ini.
- 4.2 Pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan SPM atau sedang menunggu kemasukan ke Tingkatan Enam Rendah (Pra U 1) **TIDAK LAYAK** menyertai pertandingan ini.
- 4.3 Bagi penyertaan B15, B18 lelaki dan perempuan, tiap-tiap sekolah dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada dua (2) orang peserta untuk acara perseorangan dan satu (1) pasukan bagi acara berpasukan.
- 4.4 Bagi penyertaan B10 dan B12 lelaki dan perempuan, tiap-tiap PKG dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada tiga (3) orang peserta untuk acara perseorangan dan satu (1) pasukan bagi acara berpasukan.
- 4.5 Jika timbul kekeliruan Peraturan-peraturan AM Yang menguasai Kejohanan MSS Kedah adalah dirujuk.
- 4.6 Bagi kumpulan umur 13 TKB, peserta dibenarkan mengambil bahagian di bawah kumpulan umur 15 TKB dengan syarat tiada pertandingan acara bagi acara-acara yang dipertandingkan di bawah kategori umur 13 TKB iaitu 400m, 1500m, lompat jauh dan melempar cakera. Peserta layak mengambil tiga ( 3 ) acara individu termasuk acara terbuka serta dua ( 2 ) acara berpasukan.

Bilangan maksima penyertaan seseorang peserta adalah seperti berikut :

| KUMPULAN UMUR | INDIVIDU                     | LARI BERGANTI-GANTI |
|---------------|------------------------------|---------------------|
| 18 TKB        | 3 ( termasuk acara terbuka ) | 2                   |
| 15 TKB        | 3 ( termasuk acara terbuka ) | 2                   |
| 13 TKB        | 3 ( termasuk acara terbuka ) | 2                   |
| 12 TKB        | 2                            | 2                   |
| 10 TKB        | 1                            |                     |

- 4.7 Acara **TERBUKA** hanya dibenarkan disertai oleh peserta – peserta yang berumur 13 tahun atau lebih pada 01 Januari tahun pertandingan.

#### 5.0 PENDAFTARAN PESERTA – PESERTA

- 5.1 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat mengikut **tatacara sistem pendaftaran masuk** yang telah ditetapkan oleh pengelola yang kemudiannya akan disebut Borang Pendaftaran Rasmi kejohanan.
- 5.2 Semua butiran yang terdapat dalam borang pendaftaran hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh Pegawai Pendidikan Daerah masing-masing.
- 5.3 Borang Pendaftaran yang telah ditandatangani oleh Pentadbir sekolah masing-masing akan menjadi dokumen rasmi kejohanan.
- 5.4 Peserta-peserta yang hanya menyertai acara lari berganti-ganti juga dikehendaki mendaftar.
- 5.5 Peserta-peserta setiap sekolah hendaklah menyertakan **BORANG M01 DAN R01 berserta, satu salinan Kad Pengenalan** (sekolah Menengah) / **salinan Surat Beranak** (pelajar sekolah rendah) yang telah disahkan oleh Pengetua/Guru Besar/ Penolong Kanan sekolah peserta yang berkenaan.

- 5.6 **Semua pasukan yang mengambil bahagian diwajibkan membayar yuran penyertaan sebanyak RM 250.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Sahaja). Pembayaran hendaklah dibuat kepada “GURU BESAR SK MERGONG” secara cek sebelum atau pada 01hb Ogos 2024.**
- 5.7 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat pada atau sebelum **12 Jun 2025** melalui laman web rasmi yang disediakan. Semua butiran yang perlu hendaklah diisi sepenuhnya. Laman web tersebut boleh dilayari di alamat :  
  
<http://ks2025.snn2u.com>
- 5.8 Penarikan **Senarai pendaftaran dan „Starting List”** perlu dicetak sendiri dari laman web selepas diumumkan siap oleh Jawatankuasa Pertandingan.

## 6.0 PELAJAR SEKOLAH SUKAN NEGERI

- 6.1 Pelajar-pelajar yang ditawarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Kedah ke Sekolah Sukan Negeri hendaklah mewakili sekolah asal tempat beliau bersekolah / sekolah terakhir dalam kejohanan MSSD.
- 6.2 Sekiranya seseorang pelajar mewakili sekolah lain TANPA KEBENARAN dari sekolah asal, maka beliau TIDAK DIBENARKAN bertanding di Kejohanan MSSD dan MSSK serta tindakan disiplin akan diambil terhadap pelajar dan Sekolah berkenaan.
- 6.3 Pelajar yang memasuki semula sekolah harian dari Sekolah Sukan Malaysia / Sekolah Sukan Negeri hendaklah mewakili daerah / sekolah terkini pelajar berkenaan sedang belajar. (Rujuk Peraturan MSSM 3.1.1.4)
- 6.4 Pelajar Sekolah Sukan Negeri hendaklah mewakili sekolah asalnya dalam pertandingan MSSD dan disertakan dengan permohonan secara bertulis kepada Pengetua Sekolah Sukan Negeri.
- 6.5 Jika khidmat pelajar berkenaan tidak diperlukan oleh sekolah asalnya maka ia dibenarkan mewakili sekolah lain dengan syarat sekolah berkenaan mendapatkan kebenaran bertulis daripada sekolah asal pemain.
- 6.6 Pengambilan pelajar Sekolah Sukan Negeri mestilah mengikut prosedur yang ditetapkan dan menjadi tanggungjawab pasukan berkenaan untuk mengambil dan menghantar balik serta mengutamakan keselamatan dan kebajikan pelajar tersebut.

## 7.0 PENARIKAN DIRI PESERTA

- 7.1 Maklumat tentang penarikan diri semasa kejohanan dijalankan hendaklah disampaikan kepada Pengelola Peserta dan Pengurus Kejohanan sekurang-kurangnya 30 minit sebelum sesuatu acara itu dimulakan seperti yang tercatat dalam susunan acara.
- 7.2 Seseorang peserta yang telah disahkan penyertaan semasa mesyuarat Pengurus Pasukan, tidak dibenarkan menarik diri. Jika ini berlaku, peserta berkenaan TIDAK DIBENARKAN menyertai acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya, KECUALI jika dapat mengemukakan surat pengesahan sakit / cedera daripada Pegawai Perubatan.
- 7.3 Seseorang peserta yang menarik diri tanpa sebab, adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- 7.4 Seseorang peserta menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat Pegawai Perubatan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya di dalam acara yang didaftarkan atas namanya dengan mengemukakan surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan kepada Pengurus Kejohanan.
- 7.5 Peserta yang tidak cedera dan layak masuk ke pusingan akhir, tidak dibenarkan menarik diri. Sekiranya berbuat demikian, penyertaan mereka dalam acara-acara selanjutnya akan dibatalkan. Keputusan Pengurus Kejohanan adalah muktamad.
- 7.6 Peserta Acara Lari Berganti-ganti

- 7.6.1 Pendaftaran peserta bagi acara lari berganti-ganti adalah dihadkan kepada peserta-peserta yang didaftarkan dalam borang penyertaan rasmi sahaja.
- 7.6.2 Peserta lari berganti-ganti mesti didaftarkan dengan menggunakan **borang pendaftaran lari berganti-ganti** yang akan diedarkan.

## 8.0 MELAPOR DIRI PESERTA

- 8.1 Semua peserta hendaklah melaporkan diri 30 minit bagi acara balapan dan 45 minit bagi acara padang sebelum acara berkenaan berlangsung. Selepas itu mereka akan diiringi ke tempat pertandingan oleh Penyelia Peserta.
- 8.2 Peserta TIDAK DIBENARKAN melaporkan diri terus kepada Pegawai Teknik dalam arena pertandingan.
- 8.3 Hebahan tentang peserta-peserta untuk melaporkan diri **TIDAK AKAN DIBUAT**. Maklumat meminta peserta melaporkan diri hanya disiarkan di papan kenyataan di tempat Pengelola Peserta. Hebahan hanya dibuat sekiranya terdapat pindaan dalam susunan atur cara kejohanan.
- 8.4 Semasa melaporkan diri peserta hendaklah berpakaian kemas dan nombor peserta hendaklah dipinkan di setiap sudut nombor berkenaan di baju peserta. Peserta yang gagal melekatkan nombor di bajunya, tidak akan dibenarkan bertanding.

## 9.0 PEMBATALAN ACARA

- 9.1 Semua acara yang didaftarkan akan dipertandingkan.
- 9.2 Acara yang kurang dari TIGA (3) orang peserta atau pasukan tidak akan dipertandingkan.

## 10.0 BLOK PERMULAAN

- 10.1 Blok permulaan (starting Block) dan mulaan dekam (crouch start bagi acara di bawah MESTI digunakan untuk semua kategori **kecuali** Bawah 12 dan 10 Tahun Lelaki/Perempuan

**100m, 200m, 400m 4x100m, 4x400m  
80/100/110/200/400 meter lari berpagar**

## 11.0 PAKU KASUT (SPIKES) DAN PERALATAN

- 11.1 Paku spikes yang dibenarkan ialah tidak melebihi 9mm.
- 11.2 Paku spike untuk acara Lompat Tinggi dan Merejam Lembing tidak boleh melebihi 12mm.

## 12.0 LARI BERGANTI-GANTI

- 12.1 Selepas memberi baton (change over) peserta-peserta hendaklah berada dalam lorong masing-masing sehingga pertukaran baton selesai supaya tidak mengganggu peserta lain.
- 12.2 Semua peserta tidak dibenarkan membaling atau melambung baton selepas tamat sesuatu larian. Peserta/pasukan tersebut akan dibatalkan jika referi balapan mengesahkannya.
- 12.3 Sebarang tanda yang dibuat bukannya dari bahan yang kekal dan boleh mengganggu peserta lain.

## 13.0 PACING DAN BERSORAK

- 13.1 Semua peserta atau pegawai tidak dibenarkan bersaing (pacing) dengan mana-mana peserta yang sedang berlari. Jika berlaku, peserta tersebut akan DIBATALKAN.

**14.0 UKURAN TINGGI PERMULAAN**

14.1 Ukuran tinggi permulaan bagi acara Lompat Tinggi ialah :

| KELAS    | LELAKI     | PEREMPUAN  | Penambahan Ketinggian (cm)   |
|----------|------------|------------|------------------------------|
| (18 TKB) | 1.65 meter | 1.30 meter | 5,5,5,4,4,4,3,3,3,2,2,2 .... |
| (15 TKB) | 1.50 meter | 1.25 meter | 5,5,5,4,4,4,3,3,3,2,2,2 .... |
| (12 TKB) | 1.25 meter | 1.15 meter | 5,5,5,4,4,4,3,3,3,2,2,2 .... |
| (10 TKB) | 1.00 meter | 0.90 meter | 4,4,4,3,3,3,2,2,2 ....       |

**15.0 PAPAN LONJAKAN LOMPAT KIJANG**

15.1 Jarak papan lonjakan dari kawasan mendarat adalah seperti berikut:

| KELAS    | LELAKI             | PEREMPUAN         |
|----------|--------------------|-------------------|
| (18 TKB) | 11 meter / 9 meter | 9 meter / 7 meter |
| (15 TKB) | 11 meter / 9 meter | 9 meter / 7 meter |

**16.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN**

16.1 **Hadiah Peserta Terbaik – Hadiah yang disediakan ialah :**

- 16.1.1 Peserta Terbaik 10 TKB lelaki dan perempuan
- 16.1.2 Peserta Terbaik 12 TKB lelaki dan perempuan
- 16.1.3 Peserta Terbaik 15 TKB lelaki dan perempuan.
- 16.1.4 Peserta Terbaik 18 TKB lelaki dan perempuan.
- 16.1.5 Hadiah-hadiah peserta terbaik akan diberi kepada peserta berdasarkan **pemecah rekod baru** berstatus (ikut ranking kejohanan) Kejohanan MSS Asean, MSSM, MSSK diikuti **jumlah rekod yang diperbaharui dengan mengambil kira usia rekod. Sekiranya kedudukan sama bilangan pingat emas, perak dan gangsa akan diambil kira.**
- 16.1.6 Sekiranya tiada rekod dicipta, jumlah pingat emas atau pingat perak atau pingat gangsa dalam acara individu diambil kira.
- 16.1.7 Sekiranya pungutan pingat emas masih sama, pungutan pingat perak dan pingat gangsa dalam acara individu diambil kira.
- 16.1.8 Sekiranya kedudukan masih sama juga, keputusan akan dibuat berdasarkan Jadual Mengira Mata IAAF bagi pencapaian terbaik acara tertentu setiap peserta

16.2 **Pasukan**

- 16.2.1 **Johan Sekolah Menengah dan Johan PKG** - Johan keseluruhan akan ditentukan berdasarkan jumlah pingat emas yang diperolehi oleh peserta dari tiap-tiap bahagian.

**17.0 SARINGAN / SEPARUH AKHIR / PENENTUAN KE ACARA AKHIR**

17.1 Acara 100 M , 200 M

Jika 7 Saringan.

3 peserta pertama dari setiap saringan dan 3 peserta yang mencatat masa terbaik dari 7 saringan layak memasuki peringkat separuh akhir (3 separuh akhir).

Jika 6 Saringan.

3 peserta pertama dari setiap saringan dan 6 peserta yang mencatat masa terbaik dari 6 saringan layak memasuki peringkat separuh akhir (3 separuh akhir).

Jika 5 Saringan.

3 peserta pertama dari setiap saringan dan 1 peserta yang mencatat masa terbaik dari 5 saringan layak memasuki peringkat separuh akhir (2 separuh akhir).

Jika 4 Saringan.

3 peserta pertama dari setiap saringan dan 4 peserta yang mencatat masa terbaik dari 4 saringan layak memasuki peringkat separuh akhir (2 separuh akhir).

Jika 3 separuh akhir

2 peserta pertama dari setiap separuh akhir dan 2 peserta yang mencatat masa terbaik dari 3 separuh akhir layak memasuki peringkat akhir.

Jika 2 separuh akhir

3 peserta pertama dari setiap separuh akhir dan 2 peserta yang mencatat masa terbaik dari 2 separuh akhir layak memasuki peringkat akhir.

## 17.2 Acara 400 M

Jika 7 Separuh Akhir

Pemenang setiap separuh akhir dan 1 pencatat masa terpantas akan layak memasuki Peringkat Akhir.

Jika 6 Separuh Akhir

Pemenang setiap separuh akhir dan 2 pencatat masa terpantas akan layak memasuki Peringkat Akhir.

Jika 5 Separuh Akhir

Pemenang setiap separuh akhir dan 3 pencatat masa terpantas akan layak memasuki Peringkat Akhir.

Jika 4 Separuh Akhir

Pemenang setiap separuh akhir dan 4 pencatat masa terpantas akan layak memasuki Peringkat Akhir.

Jika 3 Separuh Akhir

2 peserta pemenang dari setiap separuh akhir dan 2 peserta yang mencatat masa yang terbaik dari ketiga-tiga separuh akhir layak ke Peringkat Akhir.

Jika 2 Separuh Akhir

3 peserta pemenang dari setiap separuh akhir dan 2 peserta yang mencatatkan masa terbaik daripada kedua-dua separuh akhir layak ke Peringkat Akhir. \

Sekiranya terdapat seri dalam catatan masa. Maka penentuan ke akhir bergantung kepada kedudukan peserta dalam setiap separuh akhir yang dipertandingkan. Jika berlaku kedudukan yang sama, cabutan undi akan dilakukan oleh Pengurus Kejohanan.

## 17.3 Pengundian lorong akan dijalankan mengikut peraturan 166.3 KOAM/IAAF

## 18.0 BANTAHAN

18.1 Bantahan hendaklah dibuat mengikut Peraturan 147 KOAM, kecuali perkara-perkara di bawah :

18.1.1 Jika masalah berkenaan kelayakan seseorang peserta tidak dapat diselesaikan sebelum pertandingan bermula, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (under protest) dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada Juri Rayuan.

18.1.2 Bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan tidak lewat daripada :

18.1.2.1 Lima belas (15) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara pusingan awal.

18.1.2.2 Tiga puluh (20) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara peringkat akhir.

18.2 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mesti disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus sahaja) dan **tidak akan dipulangkan**.

18.3 Hanya pegawai-pegawai yang berdaftar dalam sistem kejohanan sahaja yang layak membuat bantahan.

**19.0 NOMBOR, HURUF DAN WARNA PASUKAN**

19.1 Nombor, huruf dan warna pasukan adalah seperti berikut.

**Sekolah Rendah (Mengikut PKG)**

| BIL | PKG               | HURUF | NOMBOR    |
|-----|-------------------|-------|-----------|
| 1   | PKG Pokok Sena    | ZA    | 100 – 249 |
| 2   | PKG Langgar       | ZB    | 250 – 399 |
| 3   | PKG Alor Janggus  | ZC    | 400 – 549 |
| 4   | PKG Telok Kechai  | ZD    | 550 – 699 |
| 5   | PKG Simpang Empat | ZE    | 700 - 849 |

**Sekolah Menengah**

| BIL | SEKOLAH                     | HURUF | NOMBOR      |
|-----|-----------------------------|-------|-------------|
| 1   | Koleh Sultan Abdul Hamid    | A     | 0001 – 0150 |
| 2   | Maktab Mahmud               | B     | 0151 – 0300 |
| 3   | SMK Alor Janggus            | C     | 0301 – 0450 |
| 4   | SMK Darul Aman              | D     | 0451 – 0600 |
| 5   | SMK Dato Syed Omar          | E     | 0601 – 0750 |
| 6   | SMK Keat Hwa                | F     | 0751 – 0900 |
| 7   | SMK Muadzam Shah            | G     | 0901 – 1050 |
| 8   | SMK Tunku Abdul Aziz        | H     | 1051 – 1200 |
| 9   | SMK Seri Gunung             | J     | 1201 – 1350 |
| 10  | SMK St Michael              | K     | 1351 – 1500 |
| 11  | SMK Convent                 | L     | 1501 – 1650 |
| 12  | SMK Pokok Sena              | M     | 1651 – 1800 |
| 13  | SMK Jabi                    | N     | 1801 – 1950 |
| 14  | SMK Sultanah Asma           | P     | 1951 – 2100 |
| 15  | SMK Tunku Sofiah            | Q     | 2101 – 2250 |
| 16  | SMK Sultanah Bahiyah        | R     | 2251 - 2400 |
| 17  | SMK Syed Mohamed Al-Bukhary | S     | 2401 – 2550 |
| 18  | SMK Tajar                   | T     | 2551 – 2700 |
| 19  | SMK Teknik Alor Setar       | U     | 2701 – 2850 |
| 20  | SMK Tengku Laksamana        | V     | 2851 – 3100 |
| 21  | SMK Tun Sharifah Rodziah    | W     | 3101 – 3250 |
| 22  | SMK Tunku Abdul Malik       | X     | 3251 – 3400 |
| 23  | Kolej Vokasional Alor Setar | Y     | 3401 – 3550 |
| 24  | SMK Tunku Abdul Rahman      | Z     | 3551 – 3700 |
| 25  | SMK Kepala Batas            | I     | 3701 – 3850 |
| 26  | SMK Seberang Perak          | AB    | 3901 – 4050 |
| 27  | SMK Langgar                 | AC    | 4051 – 4200 |
| 28  | SMK Keat Hwa 2              | AD    | 4201 – 4350 |
| 29  | SMK Dato Wan Md. Saman      | AE    | 4351 – 4500 |
| 30  | SMK Agama Kedah             | AF    | 4501 – 4650 |
| 31  | SMK Mergong                 | AG    | 4651 - 4800 |
| 32  | SMK Keat Hwa (P)            | AH    | 4801 – 4950 |
| 33  | SMK Seri Pantai             | AJ    | 4951 – 5100 |

| BIL | SEKOLAH                        | HURUF | NOMBOR      |
|-----|--------------------------------|-------|-------------|
| 34  | SMK Sains Pokok Sena           | AK    | 5101 – 5250 |
| 35  | SMK Simpang Kuala              | AL    | 5251 – 5400 |
| 36  | SMK Kubang Rotan               | AM    | 5401 – 5550 |
| 37  | SMK Sin Min (P)                | AN    | 5551 – 5700 |
| 38  | SMK Bukit Payong               | AP    | 5701 – 5850 |
| 39  | SMK Hutan Kampong              | AQ    | 5851 – 6000 |
| 40  | SMK Sri Ampang                 | AR    | 6001 – 6150 |
| 41  | SMK Agama Darussaadah          | AS    | 6151 – 6300 |
| 42  | SMK Alor Merah                 | AT    | 6301 – 6450 |
| 43  | SMK Poko Sena 2                | AU    | 6451 – 6600 |
| 44  | Maktab Mahmud Pokok Sena       | AW    | 7001 – 7150 |
| 45  | SMA Ihya UI Ulum Ad Diniah     | AX    | 7151 – 7300 |
| 46  | Maahad Dini Sultan Abdul Halim | AY    | 7301 - 7450 |

19.2 Ukuran nombor ialah tinggi 10cm dan tebal 1cm. Nombor hendaklah dibuat di atas **kain putih**. Huruf hendaklah dicetak dengan **warna merah** dan nombor dicetak dengan **warna hitam**.

19.3 **Baju:** bagi acara berpasukan semua peserta dikehendaki memakai baju yang sama mengikut pasukan masing-masing.

## 19. HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

19.1 Semua acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik Olahraga MSSK, berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pindaan, semua pengurus pasukan akan diberitahu.

19.2 Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tercatat dalam Undang-undang KOAM, Peraturan-peraturan Am MSSM atau Peraturan-peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga MSSD 2022.

19.3 Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan atau kemalangan yang berlaku semasa pertandingan dijalankan, meskipun langkah-langkah keselamatan telah dibuat untuk mengelakkannya.

19.4 Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan barang-barang kepunyaan peserta-peserta atau pegawai-pegawai di mana-mana sahaja semasa kejohanan ini dijalankan.

## 20. HAL-HAL LAIN

20.1 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. Orang yang tidak berkenaan DILARANG masuk ke tempat-tempat khas tersebut.

20.2 Selain daripada Pegawai-pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian tidak seorang pun dibenarkan masuk ke arena pertandingan kecuali dengan kebenaran Pengurus Kejohanan.

### JAWATANKUASA PERTANDINGAN KEJOHANAN OLAHRAGA

MSSD KOTA SETAR KALI KE-42, 2025 d/a

Sekolah Kebangsaan Mergong, Lebuhraya

Sultanah Bahiyah, 05350 Alor Setar, Kedah.

<http://ks2025.snn2u.com>

Disediakan oleh :

PTPS Olahraga MSSD

Kota Setar